



## UPM diberi kuasa autonomi



**PUTRAJAYA , 26 Jan** – Universiti Putra Malaysia (UPM) dan empat lagi institusi pengajian tinggi (IPTA) lain dianugerahkan kuasa autonomi oleh kerajaan bagi mewujudkan universiti yang berinovasi dan lebih berdaya saing.

Watikah itu diterima oleh Pengurus Lembaga Pengarah UPM, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Salim daripada Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin dengan diiringi Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi.

Anugerah autonomi itu diberikan hasil proses audit menggunakan instrumen 'Tadbir Urus Baik Universiti' dan 'Petunjuk Tadbir Urus Baik Universiti' (CUGG dan UGGI) dalam empat bidang.

Dato' Seri Mohamed Khaled berkata empat bidang itu ialah urus tadbir, kewangan, sumber manusia dan pengurusan akademik serta pengambilan pelajar mulai September ini.

"Sistem yang berteraskan autonomi ini perlu dipatuhi oleh IPTA berkenaan kerana ia melibatkan integriti dan akauntabiliti yang menjadi panduan dalam segala tindakan pengurusan universiti.

"Universiti selalu menyatakan mereka tidak mendapat kecemerlangan kerana wujud halangan akibat terikat dengan kaedah dan polisi kerajaan. Justeru, pemberian autonomi dengan penurunan kuasa bermakna tiada lagi alasan untuk mereka mencapai kecemerlangan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akbar selepas menyampaikan Amanat Tahun Baru 2012 Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini.

Empat IPTA lain yang menerima status autonomi ialah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Sains Malaysia.

Turut hadir Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Hou Kok Chung dan Ketua Setiausaha KPT, Datuk Ab. Rahim Md. Noor.

Dato' Seri Mohamed Khaled berkata, kelima- lima IPTA berkenaan akan mempunyai kuasa untuk membuat keputusan sendiri bersandarkan kepakaran dan konsep kebebasan akademik serta tidak terikat dengan peraturan kerajaan.

Katanya walaupun lima IPTA itu diberikan autonomi dalam kemasukan pelajar, pelajar masih perlu memohon kemasukan universiti menerusi Unit Pusat Universiti (UPU).

"Bagaimanapun, lima IPTA itu berpeluang memilih dulu mana-mana pelajar yang memohon menerusi UPU dan menentukan kesesuaian kursus kepada pelajar berkenaan serta pemberitahuan kemasukan dibuat oleh pihak IPTA sendiri", katanya.

Beliau turut menyeru lembaga pengarah di semua IPTA berkenaan memanfaatkan tanggungjawab dan peluang yang diberikan itu sebaik mungkin dalam menjana kecemerlangan universiti masing- masing.

INFO AUTONOMI UNIVERSITI (Sumber : Kementerian Pengajian Tinggi)

- Bermaksud penurunan kuasa membuat keputusan daripada agensi pusat dan kementerian kepada pihak universiti.
- Merupakan prasyarat penting untuk mewujudkan persekitaran kampus yang dinamik melalui pengurusan institusi pengajian tinggi awam yang lebih berdaya saing.
- Berteraskan integriti dan akauntabiliti yang tinggi dan perlu dipatuhi oleh pihak pentadbiran universiti.
- Keputusan kemasukan pelajar diurus oleh universiti berkenaan dan tidak lagi menerusi Unit Pengambilan Universiti .

**Berita disediakan oleh Khairul Anuar Muhamad Noh, Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MarComm) 03-89466003.**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia